

08 SEP 1999

HIV

JUMLAH PENGHIDAP HIV SEMAKIN MENINGKAT DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan bahawa seorang daripada setiap 200 atau 0.5 peratus orang dewasa Malaysia adalah positif HIV, kata presiden Majlis AIDS Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir hari ini.

"Ini bererti sekiranya kita mempunyai 10 juta orang dewasa, kira-kira 50,000 daripada mereka adalah dijangkiti HIV," katanya ketika memberi taklimat kepada pemberita pada bengkel media mengenai Kongres Antarabangsa mengenai Aids di Asia dan Pasifik ke-5 (ICAAP) di sini.

Beliau berkata peningkatan beransur-ansur kes jangkitan HIV dari 10,000 pada 1993 kepada 50,000 pada 1997 menunjukkan bahawa masalah itu mencemaskan di negara ini.

WHO juga meramalkan bahawa menjelang akhir tahun ini, kira-kira 170,000 rakyat Malaysia akan dijangkiti HIV, katanya.

Marina juga berkata bahawa banyak kes HIV di negara ini tidak dilaporkan.

Katanya angka itu hanya menggambarkan kes ujian memandangkan ramai orang enggan menjalani ujian darah.

Wanita dan kanak-kanak yang dijangkiti HIV juga dilaporkan meningkat, katanya.

Sehingga Mei ini, terdapat 30,187 kes HIV dilaporkan, katanya.

-- BERNAMA

SFI AKD